

NAMA : _____
TINGKATAN : _____



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM

| | |
|--------------------------|------|
| Untuk kegunaan pemeriksa | |
| BAHAGIAN A | |
| BAHAGIAN B | |
| JUMLAH | /100 |

MODUL 1

TASAWWUR ISLAM SPM 2021 5226

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **empat** soalan pada **Bahagian B**.
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian A** pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** pada kertas jawapan yang disediakan.

Kertas ini mengandungi 7 halaman bercetak.

[20 markah]

Bahagian A

Jawab semua soalan berikut.

Soalan 1 - 4

Tuliskan istilah yang betul bagi perkara berikut dengan memilih jawapan yang sesuai

| | Pernyataan | Istilah |
|----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|
| 1. | Perkara yang tidak dapat dilihat serta tersembunyi dan hanya diketahui oleh manusia melalui al-Quran dan as-Sunnah. | |
| 2. | Kelompok yang berhak menerima zakat seperti fakir, miskin, amil dan ibnu sabil. | |
| 3. | Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapat sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal. | |
| 4. | Cukai yang dikenakan kepada orang bukan Islam yang menetap dan berlindung dalam sesebuah negara Islam. | |

Soalan 5 -8

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul.

- Islam adalah cara hidup yang lengkap merangkumi akidah, ibadah dan _____.
- Semasa pembukaan Kota Mekah, Nabi Muhammad SAW merupakan seorang yang _____ kerana tidak pernah membalas dendam meskipun berkuasa menuntut balas.
- Islam mensyariatkan hukuman sebat 40 kali kepada peminum arak bertujuan untuk memelihara _____ manusia.
- Manusia pertama yang dicipta oleh Allah SWT adalah diambil daripada _____.

Soalan 9 - 12

Tandakan (✓) pada pernyataan yang **BETUL** dan (X) pada pernyataan yang **SALAH**

| | Pernyataan | ✓ atau x |
|-----|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|
| 9. | Mengucap dua kalimah syahadah adalah asas kepada penerimaan sesuatu ibadat oleh Allah SWT. | |
| 10. | Muhasabah ialah menilai dan melihat kekurangan diri serta bertaubat atas kesilapan tanpa perlu perubahan diri. | |
| 11. | Kepentingan mengamalkan perundangan Islam hanya memberi kebaikan kepada umat Islam sahaja. | |
| 12. | Proses penyucian jiwa dapat dilakukan dengan mengosongkan jiwa daripada sifat buruk dan hanya untuk mencari keredhaan Allah SWT. | |

Soalan 13 hingga 14

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan peringkat alam yang dilalui manusia.



13. **A** ialah _____.

14. **B** ialah _____.

Soalan 15 hingga soalan 16

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan jenis pemilikan harta



15. **C** : _____

16. **D** : _____

Soalan 17 hingga soalan 20

Padankan keterangan berikut dengan istilah yang sesuai berkaitan pengertian Prinsip Pandangan Hidup Islam

| | KETERANGAN | | ISTILAH |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|----------------|
| 17. | Agama yang lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat. | | Rabbaniyyah |
| 18. | Ajarannya boleh berubah mengikut kesesuaian, namun masih tetap pada prinsip asasnya. | | Murunah |
| 19. | Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam ajarannya adalah bersumberkan wahyu Allah SWT. | | Syumuliyah |
| 20. | Agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman. | | 'Alamiyyah |

[80 markah]

Bahagian B

Jawab **empat** soalan pada bahagian ini.

1. (a) i. Nyatakan maksud Islam sebagai al-Din. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** sebab manusia perlu kepada Islam sebagai cara hidup. [4 markah]
- (b) Daim suka berpuasa sunat pada hari Isnin dan Khamis tetapi pada masa yang sama dia juga sering bercerita tentang amalannya itu kepada rakan- rakan sekelasnya.
- Terangkan tindakan anda untuk mengamalkan Islam sebagai cara al- Din secara syumul. [4 markah]
- (c) i. Akidah ialah keyakinan yang teguh terhadap kewujudan Allah SWT serta sifat- sifat kesempurnaan-Nya berdasarkan dalil naqli dan aqli.
- Berdasarkan ayat di atas, nyatakan **dua** pegangan akidah yang benar. [2 markah]
- ii. Terangkan **dua** kepentingan pelaksanaan amalan akidah yang benar mengikut syarak terhadap individu [4 markah]
- iii Jelaskan **dua** usaha untuk memantapkan pegangan akidah dalam diri seseorang. [4 markah]
2. (a) i. Firman Allah SWT yang bermaksud :
“Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali supaya mereka menyembah-Ku”.
- Berdasarkan ayat di atas, nyatakan maksud ibadah menurut Islam. [2 markah]
- ii. Nyatakan **dua** konsep ibadah menurut Islam. [4 markah]
- iii Terangkan **dua** kesan ibadah tanpa syariat. [4 markah]
- (b) i. Nyatakan maksud akhlak mahmudah. [2 markah]
- ii. Terangkan **dua** kesan mengamalkan akhlak mahmudah terhadap individu. [4 markah]
- (c) Adik anda sering bercampur dengan rakan- rakannya sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa. Apakah nasihat anda kepadanya? [4 markah]

3. (a) i. Nyatakan pengertian Syumuliyah. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** ciri prinsip pandangan hidup Islam. [4 markah]
- iii. Terangkan **dua** keistimewaan insan berbanding makhluk lain. [4 markah]
- (b) i. Perasaan tidak puas hati dan hasad dengki dengan kelebihan orang lain menjadi punca permusuhan dalam masyarakat hari ini.
- Huraikan cara penyelesaian masalah di atas berdasarkan prinsip waqiyah. [4 markah]
- ii. Anda bersama rakan bermain bola sepak di padang. Sedang asyik bermain, azan berkumandang menandakan masuk waktu solat Asar.
- Terangkan tindakan anda untuk mengembalikan fitrah manusia yang sebenar dalam menunaikan tanggungjawab kepada Allah [6 markah]
4. (a) i. Senaraikan **dua** sumber utama sistem ekonomi Islam. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** prinsip asas dalam ekonomi Islam. [4 markah]
- iii. Huraikan **dua** keistimewaan sistem ekonomi Islam. [4 markah]
- (b) i. Ekonomi Islam menuntut keadilan dalam mengurus harta.
- Nyatakan **dua** bentuk ketidakadilan yang wajib dielakkan dalam ekonomi Islam. [4 markah]
- ii. Dalam suasana pandemik Covid 19, isu pembuangan pekerja merupakan isu utama yang boleh menjejaskan ekonomi dan keharmonian masyarakat.
- Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan cara Islam menyelesaikan isu ini. [6 markah]
5. (a) i. Nyatakan maksud sistem perundangan Islam. [2 markah]
- ii. Senaraikan **dua** asas sistem perundangan Islam. [4 markah]
- iii. Jelaskan **dua** kepentingan melaksanakan sistem perundangan Islam. [4 markah]
- (b) i. Terangkan **dua** matlamat sistem perundangan Islam. [4 markah]
- ii. Pematuhan perundangan Islam dalam kehidupan amatlah penting.
- Berikan pendapat anda tentang pentingnya mematuhi undang-undang jalan raya. [6 markah]

6. (a) i. Nyatakan maksud kehakiman Islam. [2 markah]
- ii. Jelaskan **dua** matlamat sistem kehakiman Islam. [4 markah]
- (b) i. Senaraikan **empat** kesalahan di bawah jenayah hudud. [4 markah]
- ii. Terangkan **dua** etika sebagai seorang hakim. [4 markah]
- (c) Hukuman sebat mengikut hukum Islam perlu dilaksanakan di khalayak ramai.
- Berikan pandangan anda mengapakah perintah di atas perlu dilaksanakan. [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT